

# Murad mantapkan sistem pendidikan negara

12-14 24/01/08 ms9

## Belasungkawa

Oleh Syuhada Choo Abdullah

**A**LLAHYARHAM Tan Sri Murad Mohd Noor yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pelajaran ketiga pada usia 46 tahun selepas penyandang pertama serta kedua jawatan itu, Aminuddin Baki dan Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir, menyumbang banyak jasa ke arah memesatkan sektor pendidikan negara.

Ketika diserahkan amanah itu pada Februari 1976, beliau menggalas tanggungjawab besar menentukan kemantapan dan kelancaran pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan pada fasa awal kemerdekaan negara.

Agenda besar untuk memastikan 'survival' tanah air menerusi kemajuan pendidikan selepas zaman penjajahan, mendorong beliau bekerja keras mengharungi segala cabaran.

Sebagai pegawai kanan pengurusan ter-

keempat, Tan Sri Dr Abdul Rahman Arshad, ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam, berkata:


"Semua agenda itu memerlukan perancangan rapi dan strategi pelaksanaan yang berkesan. Allahyarham bukan saja mencurahkan 100 peratus komitmen, malah memiliki penghayatan serta kecintaan mendalam terhadap tanggungjawab berkenaan.

"Beliau seorang yang cekap, mempunyai visi serta pandai 'mengambil hati' kakitangan bawahannya untuk sama-sama bergembeng tenaga, bekerja keras dan berjuang membangunkan bidang pendidikan negara."

Hakikatnya sejak menyertai perkhidmatan pendidikan pada 1957, ketokohan Murad dalam bidang pendidikan terus terserlah. Bermula dengan tugas sebagai guru di Kolej Sultan Abdul Hamid, Jitra, Kedah, beliau kemudian dilantik ke jawatan Pengetua Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, pada 1960.

Pada 1962, Murad mengikuti pengajian Diploma Pendidikan dan Pentadbiran di University of Reading, United Kingdom, di bawah tajaan Skim Kerjasama Teknikal Rancangan Colombo.

Apabila kembali, beliau dilantik sebagai



sanakan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) pada 1971, di samping terbahit dalam usaha kerajaan menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada Mei 1983.

Komitmen dan kecintaan Murad terhadap bidang pendidikan negara tidak terbatas dalam tempoh perkhidmatan saja. Selepas bersara pada 10 April 1985, beliau terus berkecimpung secara aktif dengan memegang pelbagai jawatan tertinggi di organisasi awam dan swasta.

Antara lain, beliau dilantik sebagai Pengerusi Taylor's College Sdn Bhd pada 1985, Pengerusi Perbadanan Pembangunan Bandar (1985), Pengerusi Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (1985), Pengerusi International College of Music (1995) serta Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (2000).

Pengalaman luas dimiliki menyebabkan Murad sering menjadi pilihan rujukan kerajaan dalam menangani pelbagai isu penting berkaitan pendidikan, termasuk pernah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Suruhanjaya Diraja Inkuiri Keselamatan

sebagai pegawai kanan pengurusan tertinggi Kementerian Pelajaran pada masa itu, Murad memainkan peranan cukup berat memastikan kejayaan pelbagai projek dan juga usaha merealisasikan aspirasi pendidikan negara berpandukan Laporan Razak.

Antara fokus paling kritikal ialah usaha pemantapan sistem pendidikan dan kurikulum kebangsaan pada era pasca merdeka masih 'hijau' tetapi nyata mendapat sepenuh komitmen daripada Murad bersama jentera pentadbirannya.

Bagi menangani segala proses pembangunan terbabit dengan berkesan, beliau adalah antara pendukung utama inisiatif menghantar pegawai pendidikan menjalani latihan serta memperoleh pendedahan kemahiran dan kepakaran di luar negara untuk faedah jangka panjang.

Langkah memantapkan pelaksanaan pendidikan menengah turut menjadi misi penting yang secara langsung menuntut pengisian lebih ramai tenaga pengajar terlatih di sekolah berkenaan. Berikutan keperluan itu, maktab perguruan diperbesar dan pengambilalihan calon guru ditingkatkan.

Bukan itu saja, peningkatan keperluan lebih banyak bilik darjah dan sekolah di seluruh negara meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi menampung perkembangan arena pendidikan nasional, membawa kepada kepesatan pembangunan infrastruktur berkaitan.

Rakan seangkatan Murad yang juga menyusul sebagai Ketua Pengarah Pelajaran

Apabila kembali, beliau dilantik sebagai Pengarah Pelajaran Pahang dari Ogos 1963 hingga 1964, sebelum menjadi Pengarah Pelajaran Kelantan sehingga 1967. Ketika di Kelantan, Murad melaksanakan usaha pengambilalihan sekolah agama rakyat dan menjadikannya sekolah kebangsaan.

Selepas menyandang beberapa jawatan kepimpinan lain di kementerian itu, beliau menduduki kerusi Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran pada Julai 1972. Empat tahun kemudian, Murad dilantik sebagai Ketua Pengarah Pelajaran ketiga.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya, kepulauan dan ketokohan Murad cukup terserlah, sekali gus sering diberi kepercayaan untuk memikul pelbagai tugas berat. Antaranya, beliau mengambil langkah berani melancarkan 'Operasi Sedar' untuk mengatasi keciciran murid di luar bandar akibat kemiskinan tegar pada 1969.

Hasil kajian itu yang dikenali sebagai 'Laporan Murad' disifatkan sebagai pembuka mata yang berjaya mengenal pasti punca serta langkah menangani masalah keciciran murid di luar bandar.

Malah, laporan pada 1973 itu turut membawa kepada pelaksanaan Skim Pinjaman Buku Teks mulai 1975 serta projek Amalan Makanan dan Pemakanan (1976), pemberian biasiswa atau dermasiswa dan juga Rancangan Sekolah Bercantum.

Selain itu, Murad adalah antara yang bertanggungjawab merangka serta melak-

## PROFIL

### TAN SRI MURAD MOHD NOOR

**Tarikh Lahir:** 10 April 1930

**Tempat Lahir:** Penaga, Seberang Prai, Pulau Pinang

**Isteri Pertama:** Puan Sri Azizah Aiyub Ghazali

**Anak:** Dr Shanaz, Aziz Mirzan (Jit), Noor Azhar (Na'fa).

**Isteri Kedua:** Puan Sri Maimunah A Hamid

**Anak:** Maisurah

**Pendidikan:**

● Kolej Sultan Abdul Hamid, Jitra, Kedah,

● Universiti Malaya, Singapura (Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Pendidikan),

● University of Reading, United Kingdom (Diploma Pendidikan dan Pentadbiran),

● University of Reading, United Kingdom (Ijazah Doktor Falsafah dalam Kesusasteraan).

Suruhanjaya Diraja Inkuiri Keselamatan Sekolah serta Pengerusi Jawatankuasa Khas bagi mengkaji isu pendidikan Islam dan juga fungsi sekolah agama rakyat.

Ketokohan Murad ternyata mendapat pengiktirafan bukan saja di dalam, bahkan di luar negara. Sebagai bukti, beliau menerima Ijazah Doktor Kehormat (Persuratan) daripada University of Reading pada 1990, disusuli Ijazah Doktor Kehormat (Pendidikan) daripada Universiti Sains Malaysia (1992), Universiti Pendidikan Sultan Idris (1999) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2000).

Beliau juga menjadi penerima sulung Anugerah Khas Menteri Pelajaran Untuk Kepimpinan Pendidikan yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sempena sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2004.

Anugerah julung kali itu adalah pengiktirafan tertinggi Kementerian Pelajaran khusus kepada pengurus dan pentadbir pendidikan.

Selepas kira-kira 50 tahun mengharungi segala pengalaman pahit manis dunia pendidikan, tokoh cukup disegani ini menghembuskan nafas terakhirnya di Pusat Perubatan Gleneagles Intan, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, pada jam 9.15 malam kelmarin. Beliau dimasukkan ke wad sejak dua minggu lalu akibat jangkitan paru-paru.

Pemergian beliau pastinya kehilangan besar kepada pendidikan negara. Ucapan takziah kepada keluarga beliau dan semoga roh Allahyarham dicurahi rahmat. Al-Fatihah.